



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

KEBENARAN OPERASI BAGI AKTIVITI PERTUKANGAN DAN PEMBAIKAN BERSKALA KECIL (KAWASAN KAMPUNG) DALAM TEMPOH PELAKSANAAN PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 1 DI NEGERI MELAKA

Semua permohonan perlu memenuhi serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut :-

1. Permohonan dibuat oleh pemilik premis dan mengandungi segala maklumat berkaitan (rujuk borang permohonan).
2. Kontraktor yang akan melaksanakan kerja-kerja merupakan kontraktor yang tidak berdaftar dengan pihak CIDB.
3. Permohonan bagi pelaksanaan kerja di dalam Daerah Melaka Tengah dan di kawasan kampung sahaja.
4. Merupakan projek yang tidak melibatkan perubahan pada struktur bangunan.
5. Pekerja tidak dibenarkan bermalam di kawasan tapak projek.
6. Kelulusan hanya akan diberikan ke atas tempoh permohonan yang difikirkan relevan dengan skop kerja yang akan dilaksanakan.
7. Bilangan pekerja di tapak terhad kepada lima (5) pekerja sahaja dan perlu mematuhi SOP terkini yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara.
8. Surat kebenaran operasi akan dimaklumkan kepada semua permohonan yang diluluskan menerusi alamat emel yang disertakan semasa permohonan.
9. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi talian 06-333 3333 sambungan 5093 (Unit Pembangunan Daerah, Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah).